



## **PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO**

### **PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)**

### **KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

### **(SEMPENA KARNIVAL PSH PERINGKAT KEBANGSAAN)**

#### **1. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN:**

- (a) Penyertaan adalah terbuka kepada **KAKITANGAN** dan **SEMUA PELAJAR** Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Politeknik dan Kolej **Komuniti** yang berminat dan mempunyai daya kreativiti tinggi dalam penciptaan logo.
- (b) Penyertaan dalam pertandingan ini adalah **PERCUMA** dan setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu (1) logo ciptaan bersama borang penyertaan.
- (c) Semua ciptaan logo hendaklah **ASLI**.
- (d) Logo boleh dicipta dengan menggunakan lukisan tangan atau grafik komputer mengikut standard JPEG/ GIF/ BMP/PICT.

- (e) Nama, nombor kad pengenalan, nombor pelajar serta tandatangan hendaklah dicatatkan di sebelah kanan di belakang hasil ciptaan masing-masing.
- (f) Setiap ciptaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk 'soft copy' (CD) dan 'hard copy'.
- (g) Bukti penghantaran bukan bererti bukti penerimaan.
- (h) Keputusan Pengadil adalah muktamad.

## **2. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO**

- (a) Reka Bentuk logo mestilah **baru** dan **asli**.
- (b) Maksimum bilangan warna yang digunakan dalam reka cipta logo adalah tiga (3) warna iaitu merah, biru dan kuning.
- (c) Tulisan boleh dimasukkan di dalam logo tetapi ianya hendaklah ringkas dan boleh dibaca.
- (d) Saiz rekaan tidak melebihi saiz kertas A4.
- (e) Logo yang dicipta perlu menggambarkan konsep keseluruhan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) secara khususnya dengan cara memberikan gambaran grafik yang berkesan.
- (f) Reka bentuk logo yang dihasilkan perlu menarik, jelas, mudah dan juga kemas.

(g) Setiap warna dan bentuk yang digunakan dalam rekaan logo hendaklah disertakan dengan definisi lengkap bagi setiap simbol mahupun warna yang digunakan.

### 3. DOKUMEN PERMOHONAN PENYERTAAN

Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki menyediakan dua (2) salinan dokumen sepertimana berikut:

#### (a) **Borang Penyertaan**

Borang adalah seperti pada Lampiran. Borang ini perlu diisi oleh setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini

#### (b) ***Layout/ Design Logo***

- (i) Layout/ Design Logo hendaklah di reka diatas kertas bersaiz A4 dan dikemukakan kepada pihak Urus Setia pertandingan bersama dengan borang penyertaan.
- (ii) Penyertaan adalah **PERCUMA** dan para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan bagi pertandingan ini.
- (iii) Maklumat berikut perlu dinyatakan dengan jelas (menggunakan huruf besar) di belakang hasil karya masing-masing iaitu:
  - Nama Penuh
  - Nombor Kad Pengenalan
  - Nombor Pengenalan Pelajar
  - Institusi (Alamat Lengkap)
  - No. Telefon untuk dihubungi

#### **4. TEMPOH PENYERTAAN**

Penyertaan akan dibuka secara rasmi mulai hari **9 Mei 2012 (Rabu) hingga 25 Mei 2012 (Jumaat)**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas 25 Mei 2012 tidak akan dilayan oleh pihak Urus Setia.

#### **5. HADIAH PERTANDINGAN**

- 5.1 Hanya satu reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini.
- 5.2 Pemenang akan menerima wang tunai RM 3,000.00 sahaja berserta sijil penghargaan.
- 5.3 Bagi penyertaan yang tidak terpilih sebagai pemenang akan menerima sijil penyertaan daripada pihak KPT.

#### **6. PANEL PENILAI**

Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh ahli Panel Penilai dan Panel Penilai juga berhak membatalkan penyertaan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.

Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai (sekiranya perlu) dan logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi **HAK MILIK/ HAK CIPTA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI SEPENUHNYA.**

#### **7. BORANG PENYERTAAN**

Borang penyertaan pertandingan boleh diperolehi atau dimuat turun melalui Laman Web KPT dan borang penyertaan yang lengkap

beserta dengan logo hendaklah dikemukakan kepada pihak Urusetia pertandingan.

## **8. TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

Tarikh tutup penyertaan bagi Pertandingan Mencipta Logo ini adalah pada **25 Mei 2012 (JUMAAT) iaitu SEBELUM/ PADA JAM 5.00 PETANG.**

## **9. ALAMAT UNTUK MENGEMUKAKAN PENYERTAAN**

Penyertaan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**Urus Setia,  
Pertandingan Mencipta Logo PSH  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 13, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
(U/P: Dr. Guan Eng Chan/ Faidzah bt. Shah Rum)**

**Tel: 03 8870 6000 (sambungan: 5079/6916)**

**Faks : 03 8870 6808/6810**

**Emel : [guaneng@mohe.gov.my](mailto:guaneng@mohe.gov.my)/[faidzah@mohe.gov.my](mailto:faidzah@mohe.gov.my)**



## **BORANG PENYERTAAN**

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO  
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

### **1. BUTIRAN PESERTA**

- I. Nama Peserta : .....
- II. No. Kad Pengenalan : .....
- III. No. Pelajar : .....
- IV. Agensi/Jabatan/ Institut : .....
- V. Alamat lengkap : .....
- VI. No. Telefon : (Pej:...../ Tel. Bimbit:.....)
- VII. Keterangan Logo :( Pohon gunakan lampiran berasingan)

## 2. PENGAKUAN PESERTA

Saya faham dan bersetuju dengan peraturan dan syarat pertandingan. Saya mengesahkan bahawa saya adalah pereka cipta logo yang dikemukakan ini. Saya mengaku bahawa logo penyertaan saya ini adalah asli, tidak menirumana-mana logo sedia ada dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpama ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan ini akan terbatal secara serta merta jika saya melanggar mana-mana syarat pertandingan.

Saya bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

**Tandatangan :** .....

**Nama :** .....

**No. Kad Pengenalan :** .....

**No. Pelajar :** .....

**Tarikh :** .....